

NO. SIRI :



**SEBUT HARGA UNTUK PERKHIDMATAN BEKALAN KERUSI BALAI
ISTIADAT DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN**

BAGI

JABATAN KETUA MENTERI MELAKA

NO. SEBUT HARGA : JKMM.BKP.BA(S).SH/1/2025

**JABATAN KETUA MENTERI MELAKA
ARAS 2, BLOK TEMENGGONG
KOMPLEKS SERI NEGERI
HANG TUAH JAYA
75450 AYER KEROH
MELAKA**

**(u.p. : UNIT PENGURUSAN BANGUNAN DAN ASET
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka Surat
1.	Kenyataan Sebutharga	3
2.	Lampiran Q : Pelawaan Sebutharga	4 – 5
3.	Syarat-Syarat Am Sebutharga	6 – 8
4.	Arahan Kepada Penyebutharga	9 – 11
5.	Spesifikasi/Anggaran Jabatan	12-13
6.	Lampiran :	
	6.1 Lampiran A : Keterangan Mengenai Penyebutharga	14-16
	6.2 Lampiran B : Senarai Semak/Bekalan	17
7.	Surat Akuan Pembida	18

(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila nyatakan
nombor ini

No. Sebut harga
JKMM.BKP.BA(S)/SH/1/2025

(Kew. 284-Pin. 5/94)

JABATAN KETUA MENTERI MELAKA**SEBUT HARGA UNTUK PERKHIDMATAN BEKALAN KERUSI BALAI ISTIADAT DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat) :	Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh
.....	Jabatan Ketua Menteri Melaka, Unit Pengurusan Bangunan dan Aset Bahagian Khidmat Pengurusan, Aras 2, Blok Temenggong, Seri Negeri, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka.
No. Telefon:	No. Telefon : 06-2307787
No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan:	Tarikh : 31 Januari 2025
Kod Bidang Pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini:	

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:-
 - 1.1 Syarat Penyerahan/Penyempurnaan (**seperti di Lampiran C**)
 - 1.2 Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan dikehendaki
 - 1.3 Arahan Pengiriman **serahan secara tangan**
 - 1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul surat berlakri dan bertanda No. Sebut harga **JKMM.BKP.BA (S).SH/1/2025**
 - 1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari **6 Februari 2025 (Khamis)**
 - 1.6 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.
2. Dokumen Tawaran Sebut Harga boleh dimuat turun dari Sistem Tender Online Melaka (STOM) yang boleh dicapai melalui laman sesawang <https://stom.melaka.gov.my> dengan membuat **bayaran pembelian dokumen sebut harga RM50.00 di portal mulai 31 Januari 2025 (Jumaat)**.

3. Peringatan mengenai kesalahan rasuah.
- (i) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
 - (ii) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
 - (iii) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
 - (iv) Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

27 JAN 2025

Tarikh :

Tandatangan :

Nama Pegawai : AZIAN AZAWATI BINTI ABDULLAH

Jawatan : KETUA PENOLONG SETIAUSAHA KERAJAAN
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
JABATAN KETUA MENTERI MELAKA

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

4. BARANG-BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PENYETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk menyetuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga.
- (ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbangkan sebagai suatu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa **Perkhidmatan Bekalan Kerusi Balai Istiadat Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan** yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.
- (ii) Apabila diminta penyebut harga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.
- (iii) Fasa-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kemungkinan kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURAN

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EK-STOK ATAU KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATAWANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga.
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga.
- (c) Senarai Bekalan/ Perkhidmatan Dalam Tangan.
- (d) Jadual Kadar Harga (jika ada).
- (e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada).

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga **JKMM.BKP.BA(S)/SH/1/2025** serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

3. TEMPOH SIAP KERJA

Tempoh Siap kerja-kerja pembekalan ini hendaklah disiapkan dalam tempoh yang paling munasabah.

4. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Pembelian Dokumen Sebut Harga berjumlah RM50.00.

5. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tata tertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

6. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut harga sendiri. Jabatan Ketua Menteri Melaka tidak akan bertanggungjawab di atas segala perbelanjaan yang ditanggung oleh penyebut harga dalam penyediaan dan penghantaran sebut harga tersebut.

7. PENERIMAAN SEBUT HARGA

- i. Jabatan Ketua Menteri Melaka akan memaklumkan kepada penyebut harga yang telah berjaya.
 - ii. Makluman tersebut boleh berbentuk keperluan penambahan atau perubahan syarat kepada maklumat yang terdapat di dalam dokumen sebut harga. Walau bagaimanapun penyebut harga tidak boleh dianggap telah berjaya di dalam sebut harga tersebut sehinggalah penyebut harga tersebut menjawab secara bertulis untuk menerima segala penambahan atau perubahan yang telah ditentukan.
 - iii. Setelah persetujuan diterima, maka terjadilah satu ikatan kontrak di antara pihak Jabatan Ketua Menteri Melaka (Pihak Kerajaan Negeri Melaka) dan penyebut harga melalui syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah ditentukan (termasuklah penambahan dan perubahan yang telah dipersetujui bersama) dan tidak ada perjanjian lain atau syarat-syarat lain yang boleh dikaitkan dengan kontrak tersebut.
 - iv. Jabatan Ketua Menteri Melaka tidak akan terikat dengan penyebut harga yang menawarkan harga termurah atau mana-mana penyebut harga. Keputusan penyebut harga yang berjaya adalah muktamad dan segala surat-menyurat atau pertanyaan tentang keputusan tersebut tidak akan dilayan.
 - v. Sekiranya penyebut harga tidak menerima apa-apa jawapan dari pihak Jabatan Ketua Menteri Melaka maka dengan sendirinya penyebut harga dianggap sebagai tidak berjaya dalam sebut harga ini.
8. Dokumen Sebut Harga perlu **dikembalikan** dalam **dua (2) sampul surat berasingan dan berlakri iaitu Tawaran Teknikal dan Tawaran Harga** kepada Unit Pengurusan Banguna dan Aset, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Ketua Menteri Melaka adalah seperti berikut:

- a) Tawaran Teknikal
 - i. Lampiran Q
 - ii. Keterangan Mengenai Penyebut harga ;
 - iii. Pematuhan terhadap Penyerahan/ Penyempurnaan ;
 - iv. Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan;
 - v. Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera dari Kementerian Kewangan;
 - vi. Maklumat Terperinci Penyebut harga (Profil Syarikat); dan
 - vii. Senarai Semak Bekalan/Perkhidmatan.

- b) Tawaran Harga
- i. Lampiran Q;
 - ii. Anggaran Jabatan/jadual sebutharga;
 - iii. Salinan Sijil Pendaftaran Bumiputera dari Kementerian Kewangan;
 - iv. Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera dari Kementeri Kewangan;
 - v. Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tempoh Tiga (3) Bulan Terakhir; dan
 - vi. Maklumat Terperinci Penyebutharga (Profil Syarikat).

Penyebut harga yang tidak mengemukakan semua dokumen seperti yang dinyatakan di atas akan menyebabkan tawarannya tidak akan dipertimbangkan.

9. PEMBAYARAN

- i. Pembayaran akan dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM). Pembayaran akan dibuat setelah Kontrak ditandatangani oleh pembekal yang berjaya dan kerajaan.
- ii. Pembayaran akan dibuat di setiap peringkat berdasarkan amaun yang ditetapkan di Jadual Harga setelah pembekal membekal dan menghantar sepenuhnya kuantiti yang dikehendaki di peringkat penghantaran tersebut.

JADUAL SPESIFIKASI DAN ANGGARAN JABATAN

**PERKHIDMATAN BEKALAN KERUSI BALAI ISTIADAT DAN LAIN-LAIN KERJA
BERKAITAN**

BIL	PERKARA	KUANTITI	HARGA PER UNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	KERUSI BERANGGAR TYT DAN TOH PUAN <ul style="list-style-type: none">- Kerusi berlengan dengan ukiran Jata Melaka (jenis kayu jati)- Kusyen sandar dan duduk dari kain Midili atau jenis Bludru dan span D18- Kemasan cat bewarna Coklat Kayu	2		
2.	KERUSI BERANGGAR KETUA MENTERI DAN ISTERI <ul style="list-style-type: none">- Kerusi berlengan dengan ukiran Jata Melaka (jenis kayu jati)- Kusyen sandar dan duduk dari kain Midili atau jenis Bludru dan span D18- Kemasan cat berwarna Coklat Kayu	2		
3.	KERUSI BERANGGAR VIP <ul style="list-style-type: none">- Kerusi kayu tanpa lengan (jenis kayu jati)- Kusyen sandar dan duduk dari Kain Jenis Midili Atau Jenis Bludru dan Span D18- Kemasan cat berwarna Coklat Kayu	8		

BIL	PERKARA	KUANTITI	HARGA PER UNIT (RM)	JUMLAH (RM)
4.	KERUSI VIP/TETAMU KEHORMAT <ul style="list-style-type: none"> - Kerusi Kayu Tanpa Lengan (Jenis Kayu Jati) - Kusyen sandar dan duduk dari kain Midili atau jenis Bludru dan span D18 - Kemasan dan berwarna coklat kayu 	200		
5.	MEJA SISI <ul style="list-style-type: none"> - Ukiran Jata Melaka (Jenis Kayu Jati) - Kemasan cat berwarna coklat kayu 	8		
JUMLAH KESELURUHAN (RM)				

KETERANGAN MENGENAI PENYEBUTHARGA

1. **NAMA SYARIKAT** : _____

2. **ALAMAT SYARIKAT** : _____

i) Ibu Pejabat : _____

ii) Cawangan : _____

3. **NO. TELEFON (P)/ (HP)**

i) Ibu Pejabat : _____

ii) Cawangan : _____

4. **PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN**

4.1 Tempoh Pendaftaran Mulai : _____

(Sila sertakan salinan Sijil Pendaftaran)

Hingga : _____

4.2 Taraf Syarikat Bumiputera/Bukan Bumiputera : _____

(Taraf yang diiktiraf oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Sila sertakan salinan Sijil Pengiktirafan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia)

5. **MODAL SYARIKAT** : (Isi mana yang berkenaan sahaja)

5.1 Perseorangan/Perkongsian : RM _____

5.2 Sendirian Berhad/Berhad : RM _____

i) Modal Dibenarkan : RM _____

ii) Modal Berbayar : RM _____

6. **BUTIR-BUTIR PEMILIKAN SYARIKAT:**

6.1 Perseorangan

Nama Pemilik	No. Kad Pengenalan

6.2. Perkongsian

Nama Pemilik	No. Kad Pengenalan	% Perkongsian

(Sila gunakan kertas berasingan jika tidak mencukupi)

6.3. Sedian Berhad/ Berhad

6.3.1. Pemegang Saham

Nama Pemegang	No. Kad Pengenalan	% Bahagian

(Sila gunakan kertas berasingan jika tidak mencukupi)

6.3.2. Lembaga Pengarah

Nama	No. Kad Pengenalan	Keturunan

(Sila gunakan kertas berasingan jika tidak mencukupi)

7. KOMPOSISI PEKERJA

Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah
------------	------------------	--------

i) Pengurusan _____ _____ _____

ii) Teknikal _____ _____ _____

iii) Pekeranian _____ _____ _____

iv) Buruh/ kakitangan rendah _____ _____ _____

8. PENGALAMAN SYARIKAT

Bil	Nama/Jenis Kontrak	Nama dan Alamat Penuh Jabatan/ Agensi Perunding yang mengawas kontrak	Harga Kontrak (RM)	Tempoh Kontrak		Catatan
				Mula	Tamat	

(Sila gunakan kertas berasingan jika tidak mencukupi)

* Pengalaman Berkaitan Perkhidmatan Sewaan

9. MAKLUMAT BANK

- i) Nama : _____
- ii) No. Akaun Bank : _____
- iii) Alamat Bank : _____

10. PENGAKUAN : (Ditandatangani oleh orang yang bertanggungjawab dalam urusan yang diberi kuasa menandatangani kontrak jika berjaya)

Dengan ini saya mengaku dan mengesahkan bahawa segala butir di atas adalah benar.

Tandatangan : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Cop Jabatan : _____

Tarikh : _____

SENARAI SEMAKAN (BEKALAN/PERKHIDMATAN)

Sila tandakan / bagi Dokumen-dokumen yang disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk di tanda oleh Syarikat	Untuk di tanda oleh Jawatankuasa Sebut Harga
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran dari Kementerian Kewangan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Sijil Bumiputera dari Kementerian Kewangan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Salinan Sijil Akuan Pembuat dari Kementerian Kewangan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Borang Sebut Harga telah diisi dengan lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani – Lampiran Q	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Borang Keterangan Mengenai Penyebutharga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Pematuhan Terhadap Penyerahan/ Penyempurnaan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Maklumat Terperinci Penyebutharga (Profil Syarikat) sebanyak dua (2) salinan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tempoh Tiga (3) Bulan Terakhir	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Surat Akuan Pembida	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PENGESAHAAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

PENGESAHAAN OLEH SYARIKAT

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada).

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

SURAT AKUAN PEMBIDA

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN BEKALAN KERUSI BALAI ISTIADAT DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN

NO. RUJUKAN: JKMM.BKP.BA(S)/SH/1/2025

Saya No. Kad Pengenalan yang mewakili No. Pendaftaran (MOF/ ROS/ ROC/ ROB) dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu dalam (Jabatan Ketua Menteri Melaka) atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam (Jabatan Ketua Menteri Melaka) atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 Penarikan balik tawaran bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 Penamatian kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.3 Lain-lain tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pajabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis berhampiran.

Yang benar,

.....
Nama :
No. Kad Pengenalan :
Tarikh :
Tarikh :
Cop Syarikat :

Catatan : *Potong mana yang tidak berkaitan